G. 20
Lampiran A (Rev. 8/64)

KERTAS MINIT
MINUTE SHEET

ADL, ADS, ADV, ADP, Sr.Eng, HED, Actg KBKP, Actg ISM, ACCN,

LANTIKAN AUDITOR CAWANGAN DAN SESI PENYELARASAN BAGI PENILAIAN KENDIRI AUDIT DALAM CAWANGAN TAHUN 2026

Dengan segala hormat, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa audit dalaman pada tahun ini akan dimulakan dengan audit penilaian kendiri sebelum pelaksanaan audit secara fizikal oleh cawangan.

3. Sehubungan itu, cawangan adalah dimohon untuk mengemukakan perkara-perkara berikut kepada Unit Integriti melalui minit rasmi selewat-lewatnya pada 10 Februari 2026, iaitu:

i. Lantikan Auditor Cawangan;
ii. Lantikan Auditee Pejabat Bahagian; dan
iii. Pelan pelaksanaan (*milestone*) aktiviti audit kendiri, termasuk tarikh mula dan tarikh tamat pengisian audit kendiri pejabat bahagian serta perkara berkaitan.

4. Oleh yang demikian, satu sesi penyelarasan bersama auditor cawangan yang dilantik akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh:	13 Februari 2026 (Jumaat)
Tempat:	Bilik Mesyuarat Tingkat 4, Menara Pelita
Masa:	9.00 pagi

5. Turut dilampirkan adalah tindakan terperinci berkaitan pelaksanaan audit kendiri seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

6. Kerjasama dan perhatian Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

.....
(HAJAH SITI ROMIZA BINTI ROMALI)
Ketua Unit Integriti

RECEIVED
- 4 FEB 2026
Land and Survey (HQ)
Cawangan
Sistem Maklumat
(ISB)

Rujukan : 6/7-3/369 (A) Vol.3
Tarikh : 3 Februari 2026
Salinan Kepada : DLS, DYM, DYO, Sharfieza (Refreshment)
~RR~

FAS/HQ/20260204/033
cactus done FYI e-
AISM
4/2/2026

Lampiran A

TINDAKAN TERPERINCI AUDIT KENDIRI TAHUN 2026

Bil.	Tindakan	Tanggungjawab	Tarikh
1.0	Penyediaan komponen senarai semak audit.	Auditor Cawangan & Unit Integriti	Sebelum 30/01/2026
2.0	Lantikan setiap pegawai sebagai Auditor Cawangan dan Auditee Pejabat Bahagian dikemukakan kepada UI.	Ketua Cawangan	Sebelum 10/02/2026
3.0	Memo pemakluman pengisian audit kendiri ke pejabat bahagian	Auditor Cawangan	Bermula 16/02/2026
4.0	Pengisian Audit Penilaian Kendiri oleh Auditee setiap Cawangan / Audit.	Auditee Pejabat Bahagian	16/02/2026 sehingga 30/04/2026
5.0	Penyerahan laporan audit kendiri oleh auditee yang telah disahkan oleh penguasa bahagian kepada auditor cawangan.	Auditee Pejabat Bahagian & Penguasa Bahagian	Sebelum 30/04/2026
6.0	Auditor mengkaji trend pematuhan auditee untuk mengenalpasti keperluan audit susulan.	Auditor Cawangan	16/02/2026 sehingga 30/05/2026
7.0	Penilaian terhadap penemuan Audit Kendiri bagi tujuan kelulusan pelaksanaan audit susulan, merangkumi pemilihan pejabat bahagian, auditor serta kos pelaksanaan.	Jawatankuasa Audit Dalam	Sebelum 30/06/2026